From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Sunday, 14 August, 2022 11:30:10 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Pensyarah UUM Kongsi Ilmu 'Business Model Canvas' Dengan Pembimbing Kes JKM

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

14 OGOS 2022 / 16 MUHARAM 1444H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Dr. Azrain Nasyrah Mustapa
Gambar oleh: Ts. Dr. Mathivannan a/l Jaganathan

PENSYARAH UUM KONGSI ILMU *'BUSINESS MODEL CANVAS'* DENGAN PEMBIMBING KES JKM



UUM ONLINE: Seramai 32 peserta terdiri pembimbing kes dari Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) seluruh negara telah mengikuti Kursus TOT 2 Years Exit Programme, Business Model Canvas (BMC) di EDC-UUM,

baru-baru ini.

Program selama tiga hari anjuran Bahagian Kebajikan Produktif, JKM Putrajaya itu dikendalikan empat pensyarah UUM iaitu Prof. Madya Dr. Armanurah Mohamad, Ts. Dr. Mathivannan a/l Jaganathan dan Dr. Azrain Nasyrah Mustapa dari Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan serta Syahrina Abdullah dari Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah.

Ketua Penolong Pengarah Cawangan Pembangunan Klien Produktif, Bahagian Kebajikan Produktif, JKM, Mohd Azan Hussin berkata, tujuan program ini adalah memberi pendedahan kepada peserta tentang pemahaman dan pendekatan asas tentang BMC, seterusnya strategi pengaplikasian dalam dunia perniagaan pada masa kini.

Menurutnya, pembimbing kes akan berkongsi pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari ini kepada pelanggan mereka iaitu penerima bantuan atau geran bagi tujuan menjalankan perniagaan yang ingin mereka ceburi.

Program ini turut diselit dengan pelbagai aktiviti bagi setiap modul termasuk pembentangan *'pitching'* oleh setiap kumpulan tentang BMC di hadapan panel-panel penilai.

Turut hadir, Dekan SBM, Prof. Madya Dr. Shuhymee Ahmad dan Penolong Pengarah Kanan, Cawangan Pembangunan Klien Produktif, Bahagian Kebajikan Produktif, JKM, Rusdi Ishak.



Please consider the environment before printing this e-mail

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.